



PROGRAM SAHSIAH UNGGUL MURID (SUMUR) DALAM PEMBENTUKAN INTERPERSONAL DAN INTRAPERSONAL MURID

[SAHSIAH UNGGUL MURID PROGRAM (SUMUR) IN INTERPERSONAL AND INTRAPERSONAL FORMATION OF STUDENTS]

NURUL NADIRAH AW MOHD NOR^{1*} & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

^{1*} Pusat Perkembangan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: sufiqalb@gmail.com

Received: 1 January 2022

Accepted: 14 January 2022

Published: 16 January 2022

Abstrak: Kajian bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan murid terhadap kemahiran interpersonal dan intrapersonal setelah mengikuti pelaksanaan Program SUMUR yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah menengah. Penguasaan kemahiran interpersonal dan intrapersonal ini dapat membantu murid meningkatkan jati diri yang unggul agar dapat mendepani cabaran dunia yang semakin mencabar. Sampel kajian melibatkan 118 orang murid tingkatan lima dari tiga buah sekolah jenis Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Pahang iaitu Madrasah Tarbiah Islamiah Mentakab, SMA Al-Maarif Kuantan dan SMA Al-Hasanah Rompin. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Data dianalisis secara deskriptif melalui kekerapan (mod), nilai peratus, min dan sisihan piawai yang dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 2.6. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan murid dalam kemahiran komunikasi interpersonal adalah berada pada tahap tinggi, manakala tahap penguasaan intrapersonal pula pada tahap sederhana. Seterusnya data dianalisis secara inferensi melalui ujian-t bagi mengenalpasti perbezaan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal berdasarkan jantina. Maka dapatan kajian memperoleh bahawa tiada perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran interpersonal dan intrapersonal murid lelaki dan perempuan. Kesimpulannya Program SUMUR yang dilaksanakan memberi kesan kepada penguasaan, amalan dan pembentukan murid terhadap kemahiran komunikasi dalam kehidupan seharian mereka. Implikasi dan cadangan lanjutan juga dikemukakan oleh pengkaji bagi penambah baik terhadap kajian yang akan datang.

Kata kunci: komunikasi, SUMUR, interpersonal, intrapersonal.

Abstract: The study aims to identify the level of students' mastery of interpersonal and intrapersonal skills after following the implementation of the SUMUR Program implemented by the Ministry of Education Malaysia (MOE) in secondary schools. The mastery of these interpersonal and intrapersonal skills can help students improve their superior identity in order to face the challenges of an increasingly challenging world. The study sample involved 118 form five students from three Government Aided Religious Schools (SABK) in Pahang, namely Madrasah Tarbiah Islamiah Mentakab, SMA Al-Maarif Kuantan and SMA Al-Hasanah Rompin. This study is a quantitative survey in the form of a survey that uses a questionnaire instrument. Data were analyzed descriptively through mod, percentage values, mean and standard deviation analyzed using SPSS software version 2.6. The results of the study found that the level of students' mastery in interpersonal communication skills is at a high level, while the level of intrapersonal mastery is at a moderate level. Next, the data were analyzed inferentially through t-test to identify differences in the mastery of interpersonal and intrapersonal communication skills based on

gender. Thus the findings of the study obtained that there was no significant difference in the interpersonal and intrapersonal skills of male and female students. In conclusion, the SUMUR Program implemented affects the mastery, practice and formation of students on communication skills in their daily lives. Implications and further suggestions were also put forward by the researcher for improvement on future studies.

Keywords: Communication, SUMUR , interpersonal, intrapersonal.

Cite This Article:

Nurul Nadirah Aw Mohd Nor & Hafizhah Zulkifli. 2022. Program Sahsiah Unggul Murid (Sumur) dalam Pembentukan Interpersonal dan Intrapersonal Murid [Sahsiah Unggul Murid Program (Sumur) in Interpersonal and Intrapersonal Formation of Students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 10-28.

PENGENALAN

Komunikasi merupakan suatu perkara yang penting dalam keperluan kehidupan seharian samada dari sudut perhubungan, penyampaian maklumat dan memperoleh maklumat. Kemampuan dalam berkomunikasi secara berkesan akan meningkatkan keyakinan diri seseorang. *The Routledge International Encyclopedia of Education* telah menegaskan bahawa hubungan sosial dalam kalangan murid disebabkan berlakunya hubungan interpersonal yang ada dalam diri mereka (McCulloch & Crook, 2010). Berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang dinyatakan oleh Howard Gardner (1983) terdapat dua jenis kemahiran yang melibatkan komunikasi iaitu kemahiran interpersonal dan kemahiran intrapersonal. Kedua-dua kemahiran menjadi asas dalam membentuk dan menjalinkan hubungan sosial sesama murid dan masyarakat luar.

Menurut Ivy Deirde (2012) menjelaskan bahawa melalui kemahiran interpersonal, seseorang individu mampu membezakan antara niat, emosi, sikap dan tingkah laku, motivasi diri, sifat empati terhadap insan lain dengan merasai perasaan dan memahami emosi masyarakat sekeliling terutamanya yang dalam kesusahan. Kaedah komunikasi yang dijelaskan di dalam kemahiran interpersonal adalah seperti kemahiran mendengar, bertanya, bertutur, memberi maklum balas, unsur bahasa, mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan dan komunikasi bukan lisan (Abdullah & Ainon, 2002). Terdapat dua jenis kemahiran interpersonal iaitu secara lisan (*verbal*) seperti cara penyampaian, bahasa serta intonasi yang digunakan. Kemahiran interpersonal bukan lisan (*non-verbal*) pula melibatkan mimik muka dan sikap tubuh yang menjadi pelengkap dan menggambarkan terhadap perasaan sebenar (Maizatul Haizan & Noor Afzaliza, 2017).

Kemahiran intrapersonal pula suatu proses interaksi yang melibatkan diri sendiri seperti berfikir, reaksi dan respon bagi setiap tindakan, mengamati perbezaan emosi yang memberi kesan terhadap kehidupan seharian (Reno, 2016). Selain itu, Gardner (1983) mendefinisikan intrapersonal sebagai kebolehan dalam membentuk keperibadian yang jitu serta mampu mengaplikasikan model keperibadian diri ke dalam kehidupan yang lebih baik dan berkesan. Oleh itu, intrapersonal menjadi asas dan kunci bagi mengendalikan emosi dan berkeupayaan untuk membezakan setiap emosi dan perasaan yang dialami agar mampu diterbitkan melalui tindakan dan tingkah laku.

Dalam usaha mengukuhkan pembangunan insan dalam kalangan masyarakat, akhlak yang baik serta komunikasi yang berkesan samada dari aspek komunikasi interpersonal atau intrapersonal akan mewujudkan suasana masyarakat dan persekitaran yang harmoni dan positif. Menurut Siti Aisyah & Latifah (2017), pembentukan masyarakat Islam adalah melalui asas akhlak yang kukuh iaitu dibentuk melalui amalan seharian yang sempurna, adab dan akhlak yang terpuji seperti penerapan sikap adil, penyayang, sabar, menepati janji, menjaga maruah, keinginan yang kuat untuk melakukan kebaikan dan bercakap benar.

Justeru usaha dan proses pembentukan kemahiran interpersonal dan intrapersonal murid dapat dikembangkan melalui pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang dilaksanakan di setiap sekolah. Berdasarkan panduan pelaksanaan Program SUMUR, terdapat empat teras utama yang diterapkan dalam setiap aktiviti dan pengamalan harian murid iaitu budi bahasa, *mutadaiyyin* (cara hidup beragama), jati diri dan penampilan diri. Namun begitu, kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan Program SUMUR di sekolah masih tidak banyak ditemui dan kebanyakan kajian yang ada hanya menfokuskan pengamalan SUMUR terhadap penghayatan akhlak, biah solehah dan penerapan pembentukan sahsiah namun masih tidak menyeluruh.

Oleh itu, kajian ini menfokuskan berkaitan pembentukan interpersonal dan intrapersonal murid melalui penglibatan dalam setiap Program SUMUR kerana melalui penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal dapat membantu murid mengenal diri sendiri, mengawal emosi dan meningkatkan jati diri yang unggul sekaligus dapat mendepani cabaran dunia yang semakin mencabar serta membentuk pembangunan insan yang seimbang dan holistik.

Objektif kajian ini adalah:

1. Menenalpasti tahap penguasaan interpersonal murid melalui pelaksanaan Program SUMUR
2. Menenalpasti tahap penguasaan intrapersonal murid melalui pelaksanaan Program SUMUR
3. Menenalpasti perbezaan tahap penguasaan interpersonal murid lelaki dan perempuan melalui pelaksanaan Program SUMUR
4. Menenalpasti perbezaan tahap penguasaan intrapersonal murid lelaki dan perempuan melalui pelaksanaan Program SUMUR

TINJAUAN LITERATUR

Akhbar seringkali memaparkan berita berkaitan masalah disiplin dan tingkah laku murid. Laporan Sistem Sahsiah dan Disiplin (SSDM) di daerah Kinta Utara Perak mendapati 15506 kes disiplin murid direkodkan dan 11890 kes daripada jumlah berkenaan merupakan kesalahan ponteng sekolah (Sinar Harian, 2020). Menurut Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi (2020) antara kes-kes delinkuen yang melibatkan remaja ialah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah. Keterlibatan remaja dalam salah laku disiplin dan tingkah laku didapati berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran seperti sikap diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya, media sosial dan persekitaran (Mohd Nuri, 2016; Yohanes, 2017). Oleh itu, penerapan kefahaman agama, kemahiran interaksi

sosial dan komunikasi serta pengurusan diri perlu diterapkan dalam diri remaja agar dapat membentuk keperibadian dan jati diri yang lebih utuh dan unggul.

Kemahiran Komunikasi Interpersonal

Menurut James A.J.E & Liew S.N (2019) setiap individu mempunyai kemahiran dalam pelbagai kecerdasan tetapi setiap kecerdasan tersebut berada pada tahap yang berbeza. Perbezaan kecerdasan disebabkan oleh pengaruh baka dan genetik yang turut mempengaruhi corak pendawaian neuro otak secara semulajadi. Sesetengah individu berkemungkinan lebih cerdas dalam kecerdasan tertentu dan kurang berkembang dalam kecerdasan lain. kecerdasan interpersonal dari sudut pengurusan emosi dapat membantu seseorang individu memahami, mengatur dan mengekspresi emosi secara tepat serta menyesuaikan diri menghadapi masalah secara positif sekaligus memberi kesan terhadap keterampilan peribadi (Sulaiman 2013; Nur Azyyati & Shamsuddin 2011).

Kecerdasan seseorang murid boleh dikembangkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di dalam kelas secara terancang seperti pelaksanaan aktiviti individu, berkumpulan, pemilihan bahan pengajaran, penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dan pemilihan bahan pengajaran. Penerapan kemahiran komunikasi interpersonal dalam sesebuah program turut membantu murid agar lebih peka dan sensitif dengan keadaan persekitaran. Kajian M. Hafeez et al. (2016) dan Khalip dan Hariza (2015) mendapati kemahiran komunikasi interpersonal yang dilaksanakan menerusi program bina insan mencapai tahap penguasaan sederhana tinggi dan hasil positif yang dicapai akan menyumbang kepada peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Kemahiran komunikasi interpersonal adalah elemen penting yang harus dikuasai oleh murid. Kajian telah dilaksanakan oleh Mohd Safiee, Ashari dan Siti Zaharah (2013) untuk mengenalpasti tahap penguasaan murid dalam tiga komponen kemahiran interpersonal iaitu komunikasi secara lisan dan bukan lisan dan kemahiran mendengar. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan interpersonal murid berada pada tahap tinggi iaitu pada komponen mendengar mencatatkan min tertinggi berbanding komunikasi secara lisan dan bukan lisan. Bertepatan dengan kajian Mudzalifah (2010) juga mendapati bahawa kebanyakan daripada para majikan menitikberatkan kebolehan mahasiswa mengikut arahan, bercakap dengan jelas, mampu mengemukakan idea dengan yakin dan memberikan tumpuan semasa perbincangan atau mesyuarat.

Kemahiran Komunikasi Intrapersonal

Kemahiran intrapersonal merupakan kecerdasan yang dimiliki oleh seseorang individu merangkumi kebolehan mengenal diri sendiri, kesedaran terhadap perasaan dalaman, kehendak diri, emosi, motivasi serta kemampuan untuk mendisiplinkan diri. Kemahiran intrapersonal yang baik menjadikan murid mampu membina keyakinan diri terhadap kebolehan diri, menentukan hala tuju kehidupan, mempunyai prinsip dan azam yang kuat dan boleh berdikari (Raudhah Ali, 2017).

Penyataan daripada kajian Devito (2002) dan Rahman (2010) mengukuhkan bahawa kemahiran intrapersonal merupakan komunikasi dan keyakinan terhadap diri sendiri samada

dari aspek minat, kemampuan, penampilan diri atau bakat dan bertujuan untuk proses berfikir, membuat refleksi, menganalisis dan merenung kembali tindakan yang dilakukan. Kemahiran sendiri tidak terbentuk sejak lahir namun pengalaman individu dan faktor pembelajaran merupakan perkara utama yang membentuknya. Sepertimana pandangan Bandura (1986) yang menyatakan bahawa pengaturan diri seseorang individu boleh dinilai kemampuannya berdasarkan tahap keyakinan diri seseorang iaitu dengan meletakkan persepsi dan kemampuan dalam proses mengorganisasi dan mengimplemptasi tindakan melalui percakapan yang dilontarkan.

Selain itu, keyakinan diri juga adalah kemampuan yang dirasakan untuk membentuk tingkah laku yang sesuai terhadap sesuatu tugas dan situasi yang tertentu. Murid yang mempunyai penguasaan intrapersonal yang tinggi memiliki keyakinan terhadap diri yang tinggi, mampu memimpin sesuatu tindakan dengan rasional tanpa dipengaruhi oleh emosi. Menurut Jalaludin Rakhmat (2015) dan Norlizah (2014) menyatakan bahawa persepsi diri sendiri dikaitkan dengan psikologi dan sosial. Jika persekitaran mendorong motivasi dan interaksi yang positif maka akan menghasilkan persepsi, kepercayaan dan keyakinan terhadap diri juga akan menjadi positif.

Individu yang memiliki kecerdasan intrapersonal yang tinggi memahami kehendak dan keperluan mereka sendiri. Namun begitu, masih terdapat sebilangan murid yang menjurus kepada nilai kurang berintegriti dalam menyelesaikan tanggungjawab yang diberikan. Oleh itu, penerapan nilai integriti dalam diri seorang Islam adalah dengan kembali kepada fitrah asal dari aspek keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T berdasarkan akidah, ibadah dan akhlak islamiah. Penekanan terhadap elemen kesejahteraan dan kembali kepada tuhan adalah penting sebagaimana matlamat dalam falsafah pendidikan iaitu kepercayaan kepada tuhan untuk melahirkan insan rabbani (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)

Keperibadian dan karakter seseorang adalah berkait rapat dengan pelbagai perwatakan termasuk sahsiah dan kepimpinan. Menurut Shahidan dan Ling (2017) penampilan diri merupakan kesan dari pembentukan tingkah laku, perasaan, sikap, gaya berfikir, sosial dan rohani. Aspek pembentukan penampilan diri turut disokong oleh kajian Mardziah dan Nurul Ilyana (2018) yang menjelaskan bahawa matlamat program SUMUR adalah menekankan penampilan diri iaitu merujuk kepada beberapa aspek seperti pemakaian kemas, bersih, bersesuaian dan bertepatan dengan syariat. Manakala aspek budi bahasa dan jati diri pula seperti adab sopan, kepimpinan, adab menuntut ilmu dan pergaulan serta bersikap positif dan proaktif.

Menurut Muslim Nurdin (2014) sistem nilai yang menyusun atur pola sikap dan tingkah laku manusia merupakan definisi akhlak dari sudut terminologinya. Sistem nilai yang dimaksudkan adalah ajaran Islam berpandukan al-Quran dan as-Sunnah serta *ijtihad*. Manakala pola sikap dan tindakan pula merujuk kepada hubungan dengan Allah S.W.T dan hubungan dengan manusia (termasuk diri sendiri) dan dengan alam (Nur Hasan, 2019). Bertepatan dengan pandangan Al-Attas (1977) pembangunan insan merupakan suatu proses membangunkan rohani dengan kembali kepada Islam yang *syumul* (lengkap) iaitu perubahan ke arah norma yang sebenar dengan mengikut syariat Allah S.W.T demi mendapatkan kebaikan dunia dan akhirat.

Justeru masalah yang berlaku dalam kalangan murid adalah berpunca dari kurang kefahaman dan penghayatan agama dalam diri yang mengakibatkan murid tidak mampu untuk mengurus sendiri serta mempamerkan komunikasi yang baik terhadap masyarakat sekeliling. Pelbagai tingkah laku yang dilakukan oleh murid adalah kesan daripada pengurusan dan penjagaan fizikal luaran dan dalaman terutamanya jiwa, emosi dan perasaan yang dipupuk oleh orang dewasa, pembimbing atau melalui program sahsiah. Oleh itu, berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan dan masih tidak banyak rujukan kajian yang mengfokuskan masalah kemahiran komunikasi dalam pembentukan sahsiah dan peribadi murid maka pengkaji melakukan kajian yang memfokuskan pembentukan kemahiran interpersonal dan intrapersonal diri murid melalui pelaksanaan Program SUMUR KPM.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) pada tahun 2010 sebagai satu program kemenjadian pembangunan murid dan pembentukan jati diri murid selaras dengan hasrat aspirasi pendidikan negara iaitu pembentukan kepimpinan dan etika kerohanian murid. Modul Program SUMUR adalah melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang terpilih. Pelaksanaan Program SUMUR disekolah adalah berdasarkan modul dan teras yang telah disusun bertepatan dengan matlamat program iaitu pembentukan jati diri murid yang unggul dan holistik.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui borang soal selidik. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 118 orang yang melibatkan murid tingkatan lima di tiga buah sekolah kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) aliran kurikulum bersepadu dini (KBD) di negeri Pahang iaitu Madrasah Tarbiah Islamiah Mentakab, SMA Al-Maarif Kuantan dan SMA Al-Hasanah Rompin. Rasional pemilihan lokasi kajian di tiga buah sekolah ini kerana setiap sekolah mewakili satu daerah yang berbeza dan ketiga-tiga mempunyai pengalaman berkaitan pelaksanaan program SUMUR yang sama dari sudut pelaksanaannya dan hingga kini penglibatan setiap sekolah tersebut secara langsung dan aktif meliputi kesemua aspek teras yang ditetapkan oleh KPM.

Seterusnya pembinaan soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik sedia ada iaitu kajian Khaled Mat (2018) dengan beberapa penambahan. Soal selidik terbahagi kepada tiga konstruk iaitu bahagian A berkaitan demografi mewakili jantina dan penglibatan murid dalam jawatan di sekolah. Bahagian B merupakan item-item yang mengukur penguasaan kemahiran interpersonal murid melalui dua bahagian iaitu komunikasi secara lisan dan komunikasi secara bukan lisan. Seterusnya bahagian C adalah item-item untuk mengukur penguasaan kemahiran intrapersonal murid melalui dua bahagian iaitu kemahiran sendiri dan pengurusan sendiri. Skala likert lima mata telah digunakan untuk soal selidik di Bahagian B dan Bahagian C iaitu 1- sangat tidak setuju (STS), 2-tidak setuju (TS), 3-kurang setuju (KS), 4-setuju (S) dan 5-sangat setuju (SS).

Bagi proses pengumpulan data pengkaji memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang dan pengetua sekolah berkaitan bagi membolehkan penyelidikan dilaksanakan dan pengumpulan data yang melibatkan murid sekolah tersebut.

Oleh kerana situasi negara masih dalam perintah kawalan pergerakan (PKP) atas faktor pandemik Covid-19, proses pengumpulan data dari responden dilakukan secara dalam talian iaitu penyelidik meminta bantuan guru penyelaras SUMUR setiap sekolah untuk mengedarkan soal selidik yang disediakan menerusi pautan *google form* dan diedarkan kepada murid melalui aplikasi *whatsapp* sekolah masing-masing. Data kajian awal diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science (SPSS)* versi 2.6. Analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif iaitu kekerapan (mod) , peratusan dan min. Bagi mengukur tahap penguasaan interpersonal dan intrapersonal pula diukur berdasarkan skor min berdasarkan nilai interpretasi skor min merujuk jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi tahap skor min

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Pada peringkat awal, pengkaji menjalankan kajian rintis bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian. Pertama, instrumen yang digunakan telah disemak dan diperakui oleh dua orang panel rujukan. Seterusnya Ujian Cronbach Alpha juga dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen. Pelaksanaan kajian rintis bagi kajian ini adalah melibatkan 32 orang murid tingkatan lima sesi 2020 di Madrasah Tarbiah Islamiah dan hasil kajian mendapati nilai pekali cronbach alpha bagi keseluruhan kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.935 (>0.70) dan menunjukkan instrumen boleh digunakan dalam kajian sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden

Jadual 2 Taburan Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	45	38.1
	Perempuan	73	61.9
Jawatan	Kepimpinan	72	61.0
	Ahli Biasa	46	39.0
Jumlah		118	100.0

Jadual 2 menunjukkan murid perempuan mendominasi responden kajian berbanding lelaki. Hal ini kerana, kebanyakan tempat mengambil kemasukan murid perempuan melebihi murid lelaki. Manakala bagi demografi jawatan, majoriti murid tingkatan lima memegang jawatan di sekolah dan menjadi penggerak kepada setiap program disekolah.

Tahap Penguasaan Komunikasi Interpersonal Murid

Jadual 3: Taburan persepsi responden konstruk tahap penguasaan interpersonal

Bil	Perkara	Frekuensi				
		STS	TS	KS	S	SS
B1	Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi	0 (0%)	2 (1.7%)	15 (12.7%)	53 (44.9%)	48 (40.7%)
B2	Saya menggunakan intonasi suara yang sesuai ketika bercakap	0 (0%)	1 (0.8%)	11 (9.3%)	58 (49.2%)	48 (40.7%)
B3	Saya memanggil kawan-kawan dengan panggilan mesra	1 (0.8%)	0 (0%)	16 (13.6%)	50 (42.4%)	51 (43.2%)
B4	Saya memberi salam ketika bertemu guru	0 (0%)	0 (0%)	4 (3.4%)	39 (33.1%)	75 (63.6%)
B5	Saya mengucapkan terima kasih kepada guru selepas PdP atau program	0 (0%)	0 (0%)	2 (1.7%)	35 (29.7%)	81 (68.6%)
B6	Saya memberi respon ketika PdP atau program seperti 'Ya'/ Baik/lain-lain respon yang sesuai	0 (0%)	5 (4.2%)	15 (12.7%)	56 (47.5%)	42 (35.6%)
B7	Saya menggunakan bahasa yang sesuai semasa menegur kesalahan kawan-kawan	0 (0%)	0 (0%)	19 (16.1%)	56 (47.5%)	43 (36.4%)
B8	Saya meminta maaf atas kesilapan yang telah dilakukan	0 (0%)	0 (0%)	9 (7.6%)	56 (47.5%)	53 (44.9%)
B9	Saya menggunakan bahasa badan yang sesuai ketika berkomunikasi	1 (0.8%)	3 (2.5%)	24 (20.3%)	50 (42.4%)	40 (33.9%)

B10	Saya menunjukkan tanda hormat ketika bertemu dengan guru	0 (0%)	0 (0%)	3 (2.5%)	44 (37.3%)	71 (60.2%)
B11	Saya memandang ke arah individu yang sedang berkomunikasi dengan saya	0 (0%)	2 (1.7%)	11 (9.3%)	44 (37.3%)	61 (51.7%)
B12	Saya mengangkat tangan sebelum meminta izin untuk respon sesuatu topik	0 (0%)	3 (2.5%)	25 (21.2%)	52 (44.1%)	38 (32.2%)
B13	Saya berdiri ketika menjawab soalan guru semasa PdP atau program	1 (0.8%)	3 (2.5%)	16 (13.6%)	53 (44.9%)	45 (38.1%)
B14	Saya memberikan senyuman ketika bertemu orang lain	0 (0%)	1 (0.8%)	7 (5.9%)	52 (44.1%)	58 (49.2%)
B15	Saya menundukkan badan ketika melintasi hadapan orang yang lebih tua	0 (0%)	0 (0%)	5 (4.2%)	37 (31.4%)	76 (64.4%)
B16	Saya mendengar nasihat dan teguran dengan patuh	0 (0%)	1 (0.8%)	18 (15.3%)	58 (49.2%)	41 (34.7%)
Keseluruhan - min : 4.33 , s.p : 0.47				Tahap Interpretasi : Tinggi		

Merujuk analisis taburan persepsi responden bagi konstruk tahap penguasaan komunikasi interpersonal seperti jadual 5 mendapati bahawa tahap penguasaan murid berada pada tahap yang tinggi (min = 4.33 ; s.p. = 0.427). Hal ini menunjukkan majoriti murid tingkatan lima menguasai kemahiran interpersonal dalam komunikasi secara lisan dan bukan lisan mengikut item teras melalui program SUMUR yang dijalankan di sekolah.

Berdasarkan analisis item menunjukkan secara keseluruhan item adalah baik dan kesemua item didominasi oleh skor 4 dan 5 iaitu setuju dan sangat setuju. Terdapat lima item yang sangat baik dan pilihan skor 5 iaitu sangat setuju melebihi skor yang lain iaitu item B4, B5, B10, B14 dan B15. Kelima-lima item mewakili amalan budi bahasa samada secara lisan mahupun bukan lisan seperti memberi salam, mengucapkan terima kasih, meminta maaf, senyum dan memberi kehormatan terhadap orang yang lebih tua. Walaupun secara keseluruhan tahap penguasaan adalah tinggi, beberapa item yang perlu diambil perhatian kerana terdapat sebilangan murid yang memilih kecenderungan skor negatif iaitu kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Pada item B6, B9 dan B12 iaitu tentang komunikasi semasa PdP atau PdPR samada respon lisan mahupun bukan lisan. Item tersebut adalah berkaitan sikap murid

yang tidak memberi respon yang sesuai ketika PdP atau program yang dijalankan di sekolah, tidak menggunakan bahasa badan yang sesuai ketika berkomunikasi dan tidak mengangkat tangan sebelum meminta izin untuk merespon sesuatu topik.

Tahap Penguasaan Komunikasi Intrapersonal Murid

Jadual 4 Taburan persepsi responden mengenai tahap penguasaan intrapersonal

Bil	Perkara	Frekuensi				
		STS	TS	KS	S	SS
C1	Saya seorang murid yang tidak mudah berputus asa	1 (0.8%)	6 (5.1%)	27 (22.9%)	62 (52.5%)	22 (18.6%)
C2	Saya seorang murid yang mudah menerima nasihat dan teguran orang lain	0 (0%)	2 (1.7%)	24 (20.3%)	61 (51.7%)	31 (26.3%)
C3	Saya memberi tumpuan kepada pengajaran guru atau program	0 (0%)	5 (4.2%)	29 (24.6%)	65 (55.1%)	19 (16.1%)
C4	Saya bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugasan	1 (0.8%)	5 (4.2%)	25 (21.2%)	60 (50.8%)	27 (22.9%)
C5	Saya mempunyai sikap saling bersaing untuk mencapai kecemerlangan	3 (2.5%)	3 (2.5%)	28 (23.7%)	54 (45.8%)	30 (25.4%)
C6	Saya mampu mengawal emosi dan kemarahan apabila berlaku perselisihan	2 (1.7%)	4 (3.4%)	28 (23.7%)	61 (51.7%)	23 (19.5%)
C7	Saya mampu menyelesaikan tugasan yang diberikan dengan menepati masa yang ditentukan	4 (3.4%)	17 (14.4%)	38 (32.2%)	44 (37.3%)	15 (12.7%)

C8	Saya mempunyai idea yang sentiasa ke hadapan	7 (5.9%))	3 (2.5%))	35 (29.7%))	50 (42.4 %))	23 (19.5%))
C9	Saya memberikan pertolongan kepada orang lain tanpa diminta	0 (0%))	1 (0.8%))	24 (20.3%))	66 (55.9 %))	27 (22.9%))
C10	Saya menunaikan solat fardhu diawal waktu	0 (0%))	2 (1.7%))	30 (25.4%))	58 (49.2 %))	28 (23.7%))
C11	Saya tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh rakan sebaya	0 (0%))	6 (5.1%))	30 (25.4%))	58 (49.2 %))	24 (20.3%))
C12	Saya mematuhi peraturan yang ditetapkan tanpa sebarang pertikaian	0 (0%))	4 (3.4%))	39 (33.1%))	49 (41.5 %))	26 (22.0%))
C13	Saya seorang murid yang aktif dalam aktiviti kerohanian	1 (0.8%))	7 (5.9%))	31 (26.3%))	56 (47.5 %))	23 (19.5%))
C14	Saya tegas mempertahankan keputusan bersama	0 (0%))	2 (1.7%))	23 (19.5%))	72 (61.0 %))	21 (17.8%))
C15	Saya membataskan pergaulan dengan murid yang berbeza jantina	0 (0%))	1 (0.8%))	23 (19.5%))	45 (38.1 %))	49 (41.5%))
C16	Saya seorang murid yang boleh dicontohi oleh murid lain	10 (8.5%))	25 (21.2%))	43 (36.4%))	31 (26.3 %))	9 (7.6%))
Keseluruhan – min : 3.813 , s. p : 0.576 Tahap interpretasi : Sederhana						

Hasil dapatan kajian berdasarkan skor min mendapati tahap penguasaan murid tingkatan lima terhadap penguasaan intrapersonal secara keseluruhan memperoleh tahap sederhana (min = 3.813 ; s.p. = 0.576). Hal ini menunjukkan kebanyakan murid tingkatan lima menguasai dan mengamalkan sebahagian item kemahiran interpersonal melalui Program SUMUR sekolah walaupun tidak secara keseluruhan item. Daripada analisis item tersebut, terdapat dua item yang

didominasi oleh skor negatif dengan memperoleh peratusan tidak bersetuju melebihi bersetuju iaitu pada item C7 diikuti dengan C16.

Walaupun keseluruhan pada tahap sederhana namun masih terdapat beberapa item yang mencapai skor tinggi iaitu berkaitan *mutadayyin* yang diwakili oleh item C15 yang murid membataskan pergaulan dengan murid yang berbeza jantina dan item C10 juga memperoleh tahap tinggi iaitu menunaikan solat fardhu di awal waktu.. Diikuti amalan jati diri iaitu mewakili item C14 iaitu tegas dan tetap pendirian dengan keputusan yang dibuat ,C2 mudah menerima nasihat dan teguran serta item C9 membantu orang lain tanpa disuruh. Oleh itu, dapatan menjelaskan bahawa sebahagian murid menguasai kebanyakan kemahiran komunikasi intrapersonal namun terdapat beberapa amalan yang masih perlu dipertingkatkan dan dibimbing.

Perbezaan Berdasarkan Jantina Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Dan Intrapersonal Murid

Bahagian ini untuk menjelaskan dapatan analisis inferensi bagi persoalan kajian ketiga. Bagi menjawab persoalan kajian ketiga, Data bagi pembolehubah jantina dan skor Interpersonal mestilah bertaburan secara normal bagi memastikan keputusan daripada Ujian-t tidak bersandar adalah tepat.

Jadual 5 Ujian Kenormalan

	Kolmogorov-Smirov			Shapiro-Wilk		
	Statistic	Df	Sig.	Statistic	df	Sig.
Interpersonal	0.101	118	0.005	0.972	118	0.14

Jadual 5 menunjukkan ujian kenormalan bagi interpersonal. Berdasarkan keputusan Kalmogorov-Smirov mendapati, nilai signifikan bagi interpersonal adalah 0.005 dan nilai tersebut kurang daripada nilai alpha 0.05 (< 0.05). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa interpersonal tidak bertaburan secara normal dan ujian *independent t-test* tidak dapat digunakan dan digantikan ujian *non-parametric* iaitu Mann-Whitney U.

Ujian *non-parametric* Mann-Whitney U dijalankan untuk menentukan adakah terdapat perbezaan penguasaan interpersonal di antara lelaki dan perempuan melalui penyertaan murid dalam program SUMUR di sekolah. Analisis inferensi secara keseluruhan bagi interpersonal seperti yang dihuraikan dalam jadual 6 di bawah.

Jadual 6 Ujian Mann-Whitney U

	Interpersonal
Mann-Whitney U	1365.000
Wilcoxon W	2400.000
Z	-1.541
Asymp Sig. (2-tailed)	0.123

Berdasarkan Jadual 6 di atas , nilai signifikan 0.123 iaitu melebihi nilai alpha 0.05 ($p>0.05$). Maka dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam penguasaan interpersonal melalui program SUMUR yang telah dijalankan. Manakala bagi kemahiran intrapersonal pula, analisis inferensi secara keseluruhan adalah seperti yang dihuraikan dalam jadual 7 dan jadual 8 di bawah.

Jadual 7 Ujian Kenormalan

	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistic	Df	Sig.	Statistic	Df	Sig.
Intrapersonal	0.078	118	0.76	0.986	118	0.0251

Jadual 7 di atas menunjukkan ujian kenormalan bagi intrapersonal. Berdasarkan keputusan ujian Wilcoxon-Smirnov, nilai signifikan bagi intrapersonal murid adalah melebihi nilai alpha 0.05 ($p=0.76$). Oleh itu, kedua-dua jantina bertaburan secara normal dan ujian-t tidak bersandar boleh digunakan.

Jadual 8 Ujian-t Perbezaan Penguasaan Intrapersonal Melalui Program SUMUR Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai-T	Tahap Signifikan
Lelaki	45	61.289	6.992	0.069	0.783*
Perempuan	73	60.837	9.566		

Berdasarkan jadual 8 di atas , nilai-t dilaporkan sebagai 0.069 dengan nilai $p = 0.783$. Ini menunjukkan bahawa Hipotesis Null diterima iaitu tidak terdapat perbezaan antara murid lelaki dengan murid perempuan $t(116) = 0.069$, $p>0.05$). Min bagi murid lelaki 61.289 manakala min bagi murid perempuan 60.837.

PERBINCANGAN

Tahap Penguasaan Interpersonal dan Intrapersonal Murid

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan murid terhadap komunikasi interpersonal mencapai tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa melalui pelaksanaan Program SUMUR di sekolah mampu membimbing murid secara berkesan sehingga dapat melahirkan murid hormat-menghormati dan menghargai orang lain dengan menzahirkan interaksi dan komunikasi yang positif kepada masyarakat sekeliling. Dapatan kajian adalah selari dengan kajian Mardiyah dan Nurul Ilyani (2018); Khaled Mat (2018) iaitu pengamalan aspek budi bahasa yang diterapkan dalam program SUMUR mencapai tahap tinggi iaitu merangkumi item penilaian seperti memberi salam kepada guru dan bertegur sapa ketika bertemu dengan orang lain serta aspek laras bahasa seperti penggunaan intonasi suara yang sesuai dan penggunaan panggilan

yang mesra terhadap orang lain yang membuktikan amalan hormat-menghormati dan penggunaan aspek komunikasi lisan dan bukan lisan yang sesuai.

Menurut Feri Sulianta (2018) menyatakan bahawa kemahiran interpersonal umumnya dibentuk secara tidak langsung oleh keadaan sekeliling seperti latar belakang keluarga dan pendidikan. Seseorang yang dilazimi dengan keluarga dan latar belakang yang harmoni akan memiliki kemampuan komunikasi yang baik. Sebaliknya seseorang yang tinggal dilingkungan keluarga dan persekitaran yang kasar dan cenderung ke arah komunikasi yang tidak positif, maka ia akan memberi kesan kepada diri dan akan mencenderungkan seseorang dalam komunikasi yang tidak positif juga. Maka, suasana sekolah yang menerapkan program-program pembangunan sahsiah dan kemenjadian murid sepertimana yang ditetapkan melalui program SUMUR di SABK dapat membimbing murid dari aspek gaya interaksi dan mewujudkan suasana persekitaran yang positif.

Walau bagaimanapun, pandemik yang berlaku akibat penularan covid-19 telah mengubah beberapa landskap dan suasana kebiasaan terutamanya dalam pendidikan. Kekangan untuk belajar secara bersemuka dan suasana norma baharu dengan pembelajaran di rumah menyebabkan murid tidak dapat didedahkan secara langsung dan khusus bersama guru terutamanya proses penerapan nilai murni melalui kelas atau program-program pembinaan sahsiah dan kerohanian. Dapatan kajian mendapati sebilangan murid mengabaikan penglibatan aktif semasa PdPR kerana leka mengakses perkara lain yang lebih menjadi kecenderungan mereka. Menurut kajian Shima Dyana dan Siti Marziah (2018) menegaskan bahawa kebebasan dalam pelayaran internet dan pemilihan pembelajaran sendiri menyebabkan murid semakin leka dengan kemudahan yang sedia ada berbanding menyelesaikan tugas dan berinteraksi dengan guru. Oleh itu, sebagai inisiatif membendung masalah terus berpanjangan, pihak bina insan dan bimbingan kaunseling sekolah mengadakan slot pertemuan berfokus mengikut kelompok kecil iaitu usrah bertujuan membimbing murid disamping mengekalkan ukhwah dan mewujudkan interaksi dua hala di antara guru dan murid.

Bagi menjawab persoalan kedua iaitu tahap penguasaan terhadap komunikasi intrapersonal memperoleh secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian berada pada tahap sederhana. Ia menunjukkan kebanyakan murid mengamalkan komunikasi intrapersonal namun tidak secara menyeluruh. Walaupun keseluruhannya pada tahap sederhana, terdapat beberapa item yang menunjukkan tahap min yang tinggi. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan, item paling kerap diamalkan adalah berkaitan amalan *mutadayin* iaitu menjaga pergaulan dengan berlainan jantina dan memelihara solat dengan solat di awal waktu. Begitu juga dengan amalan jati diri seperti memberi bantuan kepada orang lain tanpa disuruh dan tetap pendirian.

Mutadayyin iaitu mengamalkan cara hidup Islam dengan amalan ibadah seharian menyumbang kepada kecerdasan emosi seseorang samada dari sudut kekuatan dalaman seperti kesedaran sendiri atau motivasi diri. Bertepatan dengan kajian Jalaludin Rakhmat (2009) menyatakan bahawa penglibatan dalam komunikasi intrapersonal yang dilakukan setiap hari berupaya meningkatkan kefahaman terhadap diri sendiri dengan mengaplikasikan amalan berdoa, bersyukur, bermuhasabah diri atas tindakan dan emosi yang disimpan di dalam hati serta berfikiran kreatif. Sikap positif dapat dilahirkan dengan pelaksanaan ibadah solat yang berkualiti seperti solat awal waktu dan berjemaah serta memelihara diri dari pergaulan yang tidak sihat.

Selain itu, menurut kajian Hilmi Ismail (2010) menunjukkan bahawa sikap positif dan proaktif adalah berkait dengan pembangunan sahsiah dan karakter murid. Sikap positif yang dipupuk akan mewujudkan masyarakat yang penuh kasih sayang dan harmoni. Proses membentuk perhubungan yang baik dan berkasih sayang antara murid dengan murid dan murid dengan guru adalah melalui sikap saling bantu-membantu iaitu *al-Ta'wun*. Selari dengan kajian Zakaria Stapa, A. Munawwar dan Noranizah (2012) menjelaskan bahawa persekitaran sosial adalah faktor utama yang boleh memberi kesan kepada hubungan tindak balas terhadap proses pembentukan jati diri dan tingkah laku seseorang. Kecenderungan murid terhadap penjagaan batasan ikhtilat, solat dan mengamalkan amalan *al-ta'wun* kerana faktor persekitaran dan pendekatan yang diterapkan di sekolah agama terhadap amalan sebagai seorang muslim.

Dapatan kajian bertekalan dengan kajian Shahida Hasim & Manisah (2016) dan Bunga Nabilah (2019) menyatakan bahawa komunikasi intrapersonal murid pada tahap yang tinggi sekaligus membuktikan murid mempunyai kekuatan dalaman dari aspek kebolehan mengenal diri sendiri, tahu mengurus atur diri dengan baik serta memiliki kemahiran sendiri dan perilaku yang positif serta mampu menjadi contoh kepada orang lain. Justeru, tahap penguasaan murid yang baik terhadap kemahiran komunikasi melalui program SUMUR yang dianjurkan dapat membentuk keperibadian serta jati diri murid.

Perbezaan Tahap Penguasaan Interpersonal dan Intrapersonal Murid berdasarkan Jantina

Terdapat banyak kajian berkaitan perbezaan penguasaan sesuatu kemahiran berdasarkan jantina namun kajian khusus berkaitan kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal yang melibatkan program SUMUR masih belum ditemui untuk dijadikan rujukan. Menurut kajian Megat Aman Zahiri et al., (2007) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan pada tahap kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi antara lelaki dan perempuan. Dapatan kajian adalah selari dengan hasil dapatan pengkaji yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan pada tahap penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal di antara murid lelaki dan perempuan.

Dapatan kajian pengkaji juga selari dengan dapatan kajian Norzila Abdul Razak (2007) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek pelaksanaan modul SUMUR berdasarkan jantina. Lantaran itu, beberapa faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada dapatan yang berbeza kerana ia bergantung juga kepada faktor sosioekonomi, jantina dan faktor persekitaran dari aspek umur dan lokasi kajian. Menurut Daviq Chairilsyah (2013) menyatakan bahawa keperibadian bukan suatu perkara yang kekal namun ia boleh dibentuk dan dibimbing sesuai dengan suasana dan keadaan seseorang. Antara kaedah yang digunakan dalam pembentukan peribadi yang baik adalah sentiasa memberi rangsangan dan kata-kata yang positif, memberi pendedahan tentang pengurusan emosi, didikan dan pengawasan terhadap pergaulan anak-anak dan menjadikan diri sendiri sebagai model dan contoh kepada anak-anak bagi ibubapa dan contoh kepada murid-murid bagi seorang guru.

Implikasi Teori dan Praktikal

Hasil dapatan kajian menyumbang dan menyokong Teori Kecerdasan Pelbagai dari Howard Gardner (1983) menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung serta boleh dikembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran. Sehubungan itu, dapatan kajian membuktikan bahawa kecerdasan murid telah dikembangkan melalui pelaksanaan program SUMUR yang menerapkan empat teras utama iaitu budi bahasa, jati diri, penampilan diri dan mutadayyin (cara hidup beragama). Walaupun begitu, modul SUMUR sedia ada perlu ditambah baik dari sudut penekanan terhadap item kecerdasan pelbagai agar lebih seimbang.

Implikasi seterusnya adalah dapatan kajian telah menambahkan bahan rujukan ilmiah yang sedia ada dan seterusnya dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain terutamanya dalam bidang pendidikan Islam. Lantaran itu kajian telah memberi impak kepada pelaksanaan pembangunan insan murid selari dengan aspirasi pendidikan negara iaitu menekankan kemahiran memimpin dan etika kerohanian dalam kalangan murid dengan melahirkan murid yang berkualiti dan cemerlang dari semua aspek. Dapatan kajian turut membantu pengkaji mengenal pasti dan menilai kekuatan dan kelemahan bagi pelaksanaan modul program SUMUR dalam penerapan dan penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal murid.

Selain itu, kajian ini juga membantu guru-guru mengembangkan idea dan meningkatkan lagi kaedah yang lebih efisien dalam pelaksanaan program SUMUR yang dirancang bagi memastikan pembentukan jati diri murid dapat dipertingkatkan. Dapatan kajian ini bukan sahaja memberikan maklumat dan input tambahan kepada pihak sekolah, bahagian Adab dan Nilai (ADNI) Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mencapai sasaran (*key performance indicator*) yang ditetapkan terhadap Program SUMUR. Kajian juga boleh dijadikan rujukan pihak penggubal modul dan dasar bagi menambahbaik penerapan pembentukan sahsiah melalui modul sahsiah unggul murid (SUMUR) di peringkat Bahagian Pendidikan Islam, KPM pada masa akan datang.

Cadangan Kajian Lanjutan

1. Pengkaji mencadangkan kajian berkaitan kemahiran komunikasi samada interpersonal atau intrapersonal dilaksanakan dengan melibatkan beberapa item demografi yang lain seperti latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan, kepelbagaian peringkat umur, dan jenis sekolah yang berbeza.
2. Kajian juga boleh dikembangkan dengan melaksanakan kajian kualitatif dengan kaedah temubual untuk mendapatkan penilaian yang secara langsung dari murid secara individu.
3. Kajian kuantitatif atau kualitatif juga boleh dilaksanakan terhadap guru untuk mengetahui tahap kefahaman dan amalan guru terhadap kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal kerana kefahaman dan amalan guru yang tinggi terhadap kemahiran ini dapat membantu guru dalam proses membimbing dan membentuk murid menjadi insan yang unggul dan holistik.

4. Pengkaji mencadangkan dijalankan kajian lanjutan untuk menilai hubungan korelasi antara tahap penguasaan kemahiran komunikasi terhadap pencapaian akademik.

KESIMPULAN

Komunikasi adalah suatu proses penting yang melibatkan tindakan dan hubungan manusia dengan diri sendiri, orang lain dan persekitaran. Seseorang yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik mempunyai daya tarikan dan jati diri yang tersendiri sehingga mampu menjadi contoh kepada orang lain. Oleh itu, keperluan pembentukan jati diri yang unggul adalah selari dengan hasrat dan objektif pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu melahirkan murid yang holistik dan menghayati nilai-nilai murni dan sejajar dengan aspirasi murid yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu kemahiran memimpin dan etika kerohanian.

Justeru penekanan terhadap penguasaan murid dalam kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal menjadi aspek utama dalam membentuk personaliti dan jati diri murid yang unggul dan mampu membimbing diri sendiri dan memimpin masyarakat sekeliling ke arah kebaikan. Namun begitu, personaliti dan kepimpinan murid tidak mampu dicapai dalam masa yang singkat kecuali memerlukan pengalaman, persekitaran yang membina serta peranan dari semua pihak. Maka, program SUMUR perlu dipergiatkan dan dipertingkatkan bukan sahaja diperingkat sekolah aliran agama malah diperkenalkan pelaksanaannya di seluruh peringkat sekolah agar usaha dan matlamat yang dihasratkan bagi melahirkan modal insan yang unggul dan memberi manfaat kepada masyarakat dapat dicapai.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2002. *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Bandura. 1986. *Social Foundation of Thought and Action: Social Cognitive Theory*, Englewood Cliffs. New York: Prentice Hall
- Bunga Nabilah. 2019. Peranan Komunikasi Intrapersonal dalam Proses Pembentukan Konsep Diri dan Perilaku Mahasiswa Ilmu Komunikasi Universitas Sumatera Utara. Disertasi Sarjana. Universiti Sumatera Utara.
- David Chairilisyah. 2013. Pembentukan Keperibadian Positif Anak Sejak Usia Dini. *Jurnal Educhild: Pendidikan dan Sosial* 5(1): 1-7.
- Feri Sulianta. 2018. *Panduan Lengkap Pengembangan Softskill Interpersonal & Intrapersonal Skill*. Yogyakarta: Penerbit ANDI
- Gardner, H. 1983. *Frames of Mind*. New York: Basic Books.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf dan Fakhrol Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 75-89

- Hilmi Ismail. 2010. Pengamalan Solat Fardhu di Kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC). Disertasi Sarjana Syariah. Universiti Malaya.
- Howard Gardner. 1983. *Frames of mind: Theory of Multiple intelligence*. New York: Basic Books Inc.
- Ivy Deirde Mangkau. 2012. Penguasaan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM). *Prosiding Seminar Pendidikan Pascaijazah dalam PTV Kali ke-2*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Jalaludin Rakhmat. 2009. *Psikologi Komunikasi*. Bandung: Penerbitan Remaja Rosdakarya.
- Jalaludin Rakhmat. 2015. *Psikologi Komunikasi*. Bandung: Penerbitan Remaja Rosdakarya.
- James Ang Jit Eng & Lim siew Ngen. 2019. *Guru Sebagai Pakar: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21*. Kuala Lumpur: PTS Media Group Sdn. Bhd.
- Joseph A.Devito. 2002. *The Interpersonal Communication Book*. New York: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Falsafah Pendidikan Malaysia. <http://moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>. [9 Dis 2021]
- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 4-5
- Khalip Musa & Hariza Abd Halim. 2015. Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2): 89-99
- Khaled bin Mat. 2018. Pelaksanaan Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Hubungannya dengan Pembangunan Sahsiah Pelajar. Tesis Ijazah. Universiti Malaya
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Maizatul Haizan Mahbob & Nor Afzaliza Nazira Ibrahim. 2017. Kecerdasan Emosi, Komunikasi Non-Verbal dan Keterampilan Peribadi Para Pekerja dalam Konteks Komunikasi Keorganisasian. *Jurnal Komunikasi Malaysian* 33(1): 368-382
- Mardiyah Ab Aziz & Nurul Ilyana Muhd Adnan. 2018. Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 10(2): 180-190
- Mazdalifah. 2010. *Komunikasi Interpersonal Ditinjau dari Sudut Pandang Psikologi Komunikasi*. Department Ilmu Komunikasi: FISIP USU. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mc Culloch G. & Crook D. 2010. *The Routledge International Encyclopedia of Education*. United Kingdom: Routledge Publisher.
- Megat Zakaria, Megat Aman Zahiri, Baharuddin Aris, Jamaluddin Harun & Mohd Zolkifli Abdul Hamid. 2007. Hubungan Antara Kemahiran Genetik Dengan Jantina, Pengkhususan Dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM : Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Penyelidikan IPG Batu Lintang 2007*, hal. 1-6.
- Mohd Nuri Mustafa. 2016. Fenomena Delinkuen dalam kalangan Remaja yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 125(2): 10-34.

- Mohd Safiee Hj Idrisa, Hj Ashari Sikorb & Siti Zahara Mohd Ariff. 2013. Komunikasi Interpersonal dalam Pengajaran di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik di Negeri Melaka, cetakan tidak diterbitkan.
- Muslim Nurdin. 2014. *Menpen Drajat Etika Profesi Guru*. Bandung: Alfabeta
- Norlizah. 2014. *Dinamika Kendiri Remaja*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Norzila Abdul Razak. 2007. Perceived and Preferred Teaching Styles (Methods) of English for Specific Purposes (ESP) Students. *Jurnal e-Bangi*, 2(2): 20.
- Nur Azyyati Sauki & Samsudin Husin. 2011. Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Penguasaan Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. *Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan*
- Nur Hasan. 2019. Elemen-Elemen Psikologi Islami dalam Pembentukan Akhlak. *Spiritualita* 3(1).
- Rahman, M.M. 2010. *Teaching Oral Communication Skills: A Task Based Approach*. ESP World
- Raudhah Ali. 2017. Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Prosiding UPGRIS*.
- Reno Caesar Olivier Sibarani. 2016. Komunikasi Interpersonal dan Perilaku Fobia. *Flow-Jurnal.usu.ac.id* 2(19): 1-10
- Shahida Hassim, Manisah Mohd Ali, Norshidah Salleh. 2016. Tahap Kemahiran Intrapersonal Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam. Tesis Ijazah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahidan Shafie & Ying-Leh Ling. 2017. Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi di Politeknik. *National Conference in Thinking Culture (ICTC), Politeknik Kuching Sarawak, 1-3 Novemebr 2017*, hal. 1-9.
- Shima Dyana Mohd Fazree dan Siti Marziah Zakaria. 2018. Kesan Penggunaan Gajet kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(4): 1-6.
- Sinar Harian. 2020. 15506 Kes Disiplin Pelajar Direkodkan di Kinta Utara. sinarharian.com.my/article/64304/EDISI/PERAK/15506-kes-disiplin-pelajar-direkodkan-di-Kinta-Utara [10 Januari 2022]
- Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid. 2017. Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Jurnal al-Turath* 2(2): 31-37.
- Sulaiman Effendi. 2013. Hubungan Tingkat Kecerdasan Emosional dan Intelektual dengan Keberhasilan Belajar. *Jurnal Aksioma Ad-Diniyyaah* 1(12): 1-22.
- Yohanes Berkhmas Mulyadi. 2017. Hubungan Persepsi Keharmonisan Keluarga dan Self Esteem dengan Kenakalan Remaja. *Jurnal PEKAN* 29(1): 22-32.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawwar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* 155-172.